

# PM lancar Limosin milik Mara

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Limosin Mara, majalah Imej, video Vision 20 dan imej baru ekspres Mara, di Dataran Merdeka di sini.

Empat perkhidmatan itu dikendalikan beberapa anak syarikat Mara Holding. Limosin Mara dikendalikan Limora Travel Services Sdn Bhd, manakala video Vision 20 dan majalah Imej diterbitkan oleh Dasar Profil Sdn Bhd.

Sebagai permulaan, 40 limosin Mara akan berkhidmat di antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan sekitar Lembah Klang dengan bayaran kira-kira \$40 seperjalanan.

Majalah Imej pula, yang diterbitkan dua bulan sekali dalam Bahasa Melayu akan diedarkan percuma kepada penumpang bas ekspres Mara, manakala video Vison 20 ditayangkan dalam bas milik Mara Holding, mulai bulan depan.

Bercakap kepada pemberita selepas pelancaran itu, Dr Mahathir berkata langkah itu adalah tindakan sesuai dengan perkembangan zaman bagi

meningkatkan kegiatan dan perkhidmatan Mara.

"Ini satu langkah ke arah meningkatkan segala kegiatan Mara. Umpamanya kita memerlukan perkhidmatan bas dan limosin yang lebih selesa. Semuanya mesti diperingkatkan," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri bersama warga-kota lain menyertai Senamrobik setengah jam. Majlis pelancaran itu turut disertakan dengan persembahan artis terkenal, termasuk Abdullah Chik dan Isma Ali.

Dr Mahathir dan tetamu kemudian dibawa menaiki bas Mara berimej baru mengelilingi ibu kota. Turut mengiringi beliau ialah Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Noor dan Pengerusi Mara, Tamrin Ghafar.

Dalam kata aluannya dalam buku cenderamata pelancaran itu, Dr Mahathir berkata: "Saya bangga kerana Mara dan anak syarikat induknya, Mara Holding Sdn Bhd memilih kereta nasional, Proton Limosin untuk perkhidmatan pengangkutan limosinnya.

"Adalah diharapkan Limora Travel Services Sdn Bhd, anak syarikat Mara Holding Sdn Bhd yang

menjalankan operasi pengangkutan akan memberi perhatian serius terhadap kualiti dan khidmat tinggi bagi menentukan kejayaannya."

Dr Mahathir berkata, langkah mengadakan tayangan video secara berprogram dan menyediakan majalah Imej dalam bas ekspres Mara akan memberi keselesaan kepada penumpang, di samping menonjolkan lagi imej kecemerlangan perkhidmatan.

Mengenai imej baru bas ekspres syarikat Mara itu, beliau berkata ia akan memberikan identiti baru kepada industri perkhidmatan pengangkutan di negara ini.

"Bagaimanapun, yang lebih penting ialah mutu perkhidmatan diberikan hendaklah diingkatkan dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, Pengerusi dan Pengarah Urusan Mara Holding Sdn Bhd, Omar Johar, berkata sebagai permulaan Mara memperkenalkan 40 unit Proton Limosin dan akan ditambah sehingga 200 unit.

Katanya, khidmat baru adalah satu bentuk penyediaan dan inovasi dari semasa ke semasa.